

11 AUG 1999

OSU-KILANG

KILANG KERTAS DITEMPATKAN DI KALABAKAN, KATA OSU

KOTA KINABALU, 11 Ogos (Bernama) -- Kabinet Sabah hari ini memutuskan untuk menempatkan kilang pulpa dan kertas hasil usahasama Malaysia dan negara China di Kalabakan, Tawau di pantai timur negeri ini.

Ketua Menteri Datuk Osu Sukam berkata satu perjanjian berhubung perkara itu akan ditandatangani di negara China ketika wakil kerajaan negeri menyertai lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu minggu depan.

"Untuk tujuan itu, sebuah kawasan milik Benta Wawasan, anak syarikat Innoprise Corporation Sdn Bhd (ICSB) seluas 220,000 hektar akan disediakan bagi penanaman semula kayu serta untuk menempatkan kilang berkenaan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet negeri di sini.

Memorandum persefahaman mengenai pembinaan kilang berkenaan ditandatangani pada Ogos 1997 antara kerajaan China dan Malaysia dan kerajaan Persekutuan kemudian memutuskan untuk menempatkan kilang itu di Sabah.

Pembinaan kilang itu bagaimanapun tidak dapat dilaksanakan sehingga hari ini kerana kerajaan negeri masih mengenal pasti kawasan luas yang diperlukan untuk pembinaan kilang berkenaan dan penanaman semula kayu bagi bekalan bahan mentah kepada kilang berkenaan.

Osu yang juga Menteri Kewangan berkata, Sabah akan menandatangani perjanjian susulan dengan syarikat dari negara China minggu depan bagi mengesahkan memorandum persefahaman yang ditandatangani dua tahun lepas.

Setiausaha Kerajaan Negeri Tan Sri Datu Khalil Datu Jamalul dijangka menandatangani perjanjian itu bagi pihak kerajaan negeri.

Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dalam lawatannya ke Sabah tahun lepas telah meminta kerajaan negeri mempercepatkan proses kelulusan tanah bagi pembinaan kilang dan kawasan penanaman kayu bagi kegunaan kilang berkenaan.

Menurut Lim, kilang berkenaan memerlukan di antara 500,000 tonne hingga 750,000 tonne bahan mentah setahun bagi memenuhi keperluan operasinya.

Projek terbahagi kepada dua bahagian iaitu penanaman pokok dan kilang.

Bagi penanaman pokok, kerajaan negeri akan mempunyai pegangan 60 peratus ekuiti dan 40 peratus selebihnya kepada China manakala bagi kilang kertas, pegangan kerajaan negeri ialah 40 peratus manakala China, 60 peratus.

Mengenai lawatan tiga harinya ke Mindanao, Filipina, mulai esok, Osu berkata, beliau akan menghadiri Persidangan Perdagangan Mindanao di Illigan City dan akan membentangkan kertas kerja mengenai potensi perniagaan di Kawasan Pertumbuhan Ekonomi Asean Timur Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina.

-- BERNAMA

JS OS